

21 SEP 1999

Das-PPP

KAYVEAS IALAH PIHAK DALAM SAMAN SIVIL, KATA DAS

SEREMBAN, 21 Sept (Bernama) -- Dakwaan Datuk M.Kayveas bahawa beliau bukan pihak dalam kes saman yang mahkamah mengisytiharkan sebagai tidak sah dan batal kedudukannya sebagai presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) adalah mengelirukan, menurut bekas setiausaha agung PPP, P.V.Das hari ini.

Das berkata, Kayveas sebagai yang dikatakan PPP (Baru) diwakili pada semua tarikh perbicaraan oleh setiausaha agungnya Datuk Dr Mohamad Ashfar Ali yang bertindak sebagai peguam pemerhati bagi parti.

"Semasa prosiding awal, para peguam kami telah membayangkan bahawa Kayveas melalui PPP (Baru) seharusnya campurtangan kerana ia membabitkan beliau dan kumpulan mereka memilih untuk bertindak sebagai peguam pemerhati.

"Oleh itu, untuk mendakwa bahawa Kayveas bukan pihak dalam kes saman itu adalah mengelirukan dan satu lagi percubaan untuk memperdayakan anggota dan masyarakat umum," kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

Mahkamah Tinggi di sini Sabtu lalu memutuskan bahawa pengisytiharan oleh Pendaftar Pertubuhan bahawa Kayveas ialah presiden PPP adalah tidak sah dan batal.

Das berkata kenyataan Kayveas bahawa beliau akan menyerahkan laporan mengenai keputusan mahkamah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga satu percubaan untuk mengelirukan masyarakat umum.

Kayveas juga berkata Pendaftar Pertubuhan yang perlu membuat pengisytiharan berikutan keputusan mahkamah itu.

Menurut Kayveas, beliau mengendalikan ibu pejabat parti tetapi tidak dapat berfungsi sebagai presiden dan oleh itu tidak tahu siapakah yang akan membayar bayaran sewa bangunan dan gaji kakitangan.

Das berkata Kayveas jelas tahu bahawa penghakiman ingkar bertarikh 31 Mei, 1994 yang diperolehinya adalah tidak berkesan kerana Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan perintah itu.

"Berikutan penarikan balik pengiktirafan itu, Kayveas harus berhenti campurtangan dalam hal ehwal PPP. Jika Kayveas begitu mengambil berat mengenai PPP, beliau harus memohon untuk menjadi anggota. Hanya jika menjadi anggota, barulah beliau berhak bersuara mengenai hal ehwal PPP," kata Das.

Beliau berkata PPP tidak ada kena-mengena dengan soal sewa bangunan ibu pejabat parti dan gaji kakitangan kerana itu masalah peribadi Kayveas.

Das berkata PPP menaruh kepercayaan penuh kepada kepimpinan Dr Mahathir dan parti telah mempertingkatkan jentera pilihan rayanya di semua negeri untuk membantu Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata pegawai PPP akan melawat ke semua cawangannya di seluruh negara untuk menjelaskan mengenai perkembangan semasa dalam parti dan meninjau kemajuan jentera pilihan raya di cawangan-cawangan.

Pegawai PPP juga akan mengunjungi menteri besar, ketua menteri dan pemimpin BN yang lain untuk memberi penjelasan mengenai kedudukan parti sekarang, kata beliau.

-- BERNAMA

az sk faz